

NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
DALAM MAHKAMAH SESYEN KUALA KANGSAR
KES JENAYAH NO: 61-1-11-2014

Antara

PENDAKWA RAYA

Lawan

UMA MAGESWARI A/P PERIASAMY @ MAYANDY
(ORANG KENA TUDUH)

ALASAN PENGHAKIMAN

[1] Di dalam kes ini Orang Kena Tuduh (OKT) telah dituduh dengan pertuduhan seperti berikut:

“Bahawa kamu pada 10 September 2014 jam 12.39 pagi di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Keruh, dalam Daerah Pengkalan Hulu, dalam Negeri Perak Darul Ridzuan telah ada dalam milikan kamu melalui sebuah telefon pintar jenis Samsung Ace beberapa surat muka surat kertas soalan Science 018 Ujian Penilaian Sekolah Rendah 2014 yang mana kamu mendapatkannya bersalahan dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 serta tidak berhak menyimpannya; oleh yang demikian, kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah Seksyen 8(1)(c)(iii)

Akta Rahsia Rasmi 1972 (Akta 88) dan boleh dihukum di bawah seksyen yang sama”.

[2] OKT telah dilepas dan dibebaskan tanpa perlu dipanggil membela diri setelah Mahkamah mendapati suatu kes prima facie di bawah pertuduhan di atas telah gagal ditunjukkan oleh pendakwaan. Pihak pendakwaan tidak berpuas hati dengan keputusan yang diberikan dan merayu ke Mahkamah Tinggi terhadap keputusan tersebut.

[3] Mahkamah Tinggi telah membenarkan rayuan pihak pendakwaan dan memerintahkan supaya OKT dipanggil membela diri terhadap pertuduhan tersebut.

[4] Setelah mendengar keterangan saksi-saksi pembelaan dan setelah meneliti hujahan bertulis pembelaan dan pendakwaan, Mahkamah mendapati pihak pembelaan telah berjaya menimbulkan keraguan yang menasabah terhadap pertuduhan yang dikenakan dan pihak pendakwaan telah gagal membuktikan kes melampaui keraguan yang menasabah.

[5] OKT dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan berkenaan. Pihak pendakwaan tidak berpuas hati dengan keputusan yang diberikan dan merayu terhadap keputusan tersebut.

Kes pembelaan

[6] Semasa di peringkat kes pembelaan, dua orang saksi telah memberikan keterangan iaitu OKT dan pakar.

Keterangan OKT

[7] OKT mula menjadi seorang guru pada tahun 2011 tetapi telah digantung kerja sejak tahun 2015. Pada tahun 2014, OKT mengajar di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Keruh, Pengkalan Hulu. OKT mengajar mata pelajaran Bahasa Inggeris untuk pelajar Tahun Dua dan Bahasa Tamil untuk pelajar Tahun Enam.

[8] OKT membuat persiapan untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR untuk mata pelajaran Bahasa Tamil. Persiapan yang dilakukan oleh OKT ialah dengan meminta para pelajarnya membaca topik-topik yang kebiasaannya akan diperiksa dalam peperiksaan UPSR, mencuba soalan peperiksaan tahun-tahun lepas, soalan ramalan dan peperiksaan percubaan UPSR.

[9] OKT menyedari tentang kes kebocoran soalan UPSR 2014 dan OKT juga disiasat mengenai kes tersebut. Pada 17.10.2014 sekitar jam 7.00 atau 8.00 malam, Inspektor Veknaswaran dari Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya telah menalifon OKT meminta OKT datang ke Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya pada hari esoknya.

[10] OKT telah pergi ke Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya pada 18.10.2014. Pihak polis meminta OKT menyerahkan telefon bimbit dan komputer riba OKT. Komputer riba OKT diserahkan kembali kepada OKT.

[11] OKT kemudiannya diminta untuk pulang ke rumah. Melalui perbualan telefon pada 26.11.2014, Inspektor Veknaswaran telah menyuruh OKT pergi ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Kangsar pada 27.11.2014. Pada

27.11.2014 setibanya OKT di Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Kangsar, OKT dimaklumkan pihak polis telah menjumpai beberapa dokumen dalam telefon bimbit OKT dan OKT akan didakwa. Telefon bimbit OKT yang telah dirampas oleh pihak polis ialah telefon pintar jenis Samsung Ace dengan nombor talifon 0194980901.

[12] OKT menafikan memiliki imej kertas soalan Science 018/1 UPSR 2014 dalam telefon bimbitnya dan tidak akan menyimpan imej tersebut. OKT kini didakwa kerana memiliki imej-imej yang tidak disimpan di dalam telefon bimbitnya.

[13] Gambar-gambar imej kertas soalan Science 018/1 UPSR 2014 berkemungkinan besar berada dalam telefon bimbit OKT melalui whatsapp kerana OKT tidak mengambil gambar-gambar atau memuat turun ke dalam telefon bimbitnya. Gambar-gambar yang dihantar secara whatsapp akan tersimpan secara automatik dan tersendiri. OKT menjadi ahli dalam *group chat* dalam whatsapp.

[14] OKT tidak boleh mengawal penyimpanan imej-imej yang dihantar secara whatsapp kerana imej-imej tersebut akan *auto download* ke dalam telefon bimbit OKT. Oleh itu, OKT tidak boleh mengawal apa yang pihak lain hantar kepada OKT. OKT tidak akan memadam dengan serta-merta setelah melihat gambar-gambar kerana OKT jarang memeriksa setiap gambar.

[15] OKT tidak pernah meminta sesiapa untuk menghantar imej soalan sebenar UPSR kepada OKT. Tiada sebarang manfaat imej soalan sebenar

Sains UPSR 2014 kepada OKT kerana OKT tidak mengajar mata pelajaran Sains.

[16] Sepanjang tempoh OKT menjadi guru, OKT tidak pernah mendengar soalan peperiksaan UPSR telah bocor. Oleh itu, OKT tidak mengesyaki tentang kebocoran soalan sebenar UPSR. Tambahan lagi, soalan tahun-tahun lepas dan soalan *spot* yang berada di kedai buku dan internet juga berformatkan peperiksaan.

[17] Jika OKT mengetahui bahawa imej-imej tersebut adalah soalan sebenar UPSR 2014 maka OKT tidak akan menghantar kepada sesiapa dan akan melaporkan kepada polis. Di dalam kes ini OKT tidak membuat laporan polis kerana OKT tidak memiliki imej-imej berkenaan. Selain itu, OKT hendak melihat hasil siasatan dan mahu melihat kenapa polis menuduh OKT memiliki. Ini disebabkan pada hari OKT datang ke Ibu Pejabat Polis Daerah Kuala Kangsar, OKT cuma dimaklumkan memiliki dokumen sahaja. Oleh itu, OKT tidak mengetahui langsung tentang imej-imej tersebut adalah soalan sebenar UPSR 2014.

[18] OKT tidak boleh membezakan antara dokumen biasa dengan dokumen rahsia rasmi kerana OKT tidak mengetahui apakah rupa dokumen rasmi. OKT juga tidak terlibat dalam penggubalan soalan UPSR tahun 2014 atau soalan UPSR tahun-tahun sebelumnya.

[19] OKT juga tidak pernah bekerja di Lembaga Peperiksaan Malaysia, tidak mempunyai sebarang kenalan dari Lembaga Peperiksaan Malaysia dan tidak mempunyai akses bilik kebal tempat penyimpanan kertas soalan

UPSR sebelum tarikh peperiksaan. OKT tidak mengetahui siapakah yang telah membocorkan soalan-soalan UPSR tahun 2014.

Keterangan pakar (SD2)

[20] SD2 merupakan Ketua Pegawai Eksekutif dan pengarah professional LGMS. LGMS memberikan perkhidmatan kawalan siber antarabangsa. Perkhidmatan LGMS meliputi perundingan kawalan siber, penaksiran, penyiasatan jenayah komputer, *digital forensic* dan latihan.

[21] Bidang pengkhususan SD2 ialah *penetration testing, digital forensic*. Ekshibit D28 merupakan *curriculum vitae* SD2. SD2 telah terlibat dalam profesion sekarang selama 18 tahun. SD2 pernah memberi keterangan di mahkamah dan keterangannya diterima.

[22] SD2 mempunyai pengalaman mengendalikan *Cellebrite Physical Analyzer Version 4* dan mempunyai dua persijilan dari *Cellebrite* iaitu *Cellebrite Certified Physical Analyst* dan *Cellebrite Certified Logical Operator*.

[23] Menurut SD2, berdasarkan mukasurat 11 ekshibit P12 iaitu *Digital Forensics Case Report* yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM), dinyatakan peralatan yang digunakan oleh SKMM di dalam membuat analisa terhadap telefon bimbit OKT ialah *Cellebrite Physical Analyzer Version 4*.

[24] Menurut SD2, ekshibit P12 tidak mempunyai *formal executive summary*, tidak mempunyai perincian dari segi pendekatan deskripsi dan

penyuraian (*extraction*), tidak mempunyai metodologi forensik dan tiada kesimpulan. P12 adalah laporan yang hanya menyenaraikan kandungan *carved images* yang dijumpai pada telefon yang disenaraikan.

[25] Berdasarkan P12, SD2 tidak dapat memastikan imej-imej tersebut diekstrak dari mana sama ada dari telefon atau dari SD card. Terdapat pelbagai cara analisa bertujuan untuk mengekstrak kandungan yang berbeza dari sebuah telefon.

[26] Menurut SD2, apabila suatu gambar dibuka, suatu gambar yang lebih kecil skalanya dicipta di dalam *thumbnail folder* dan applikasi *software* di dalam telefon yang akan menyimpan atau save imej berkenaan.

[27] Menurut SD2, ada yang janggal atau tidak kena dalam P12 berkenaan data imej-imej tersebut. Kejanggalaan itu ialah antara lain waktu akses imej adalah lebih awal dari waktu fail imej itu dicipta. Sebagai contoh imej 1 dalam mukasurat 19 P12. Didapati waktu akses imej ialah pada 10.9.2014 jam 12 pagi tetapi waktu fail imej dicipta ialah 12 jam kemudian iaitu pada jam 12.40 petang. Adalah suatu yang mustahil imej tersebut mempunyai waktu akses sebelum wujudnya waktu atau tarikh dicipta fail imej berkenaan. Selain itu, terdapat imej-imej sebagai contoh dalam mukasurat 21 dan 22 P12 iaitu imej 5,6 dan 7 yang tidak mempunyai waktu *modified*, *access* dan *create*.

[28] Menurut SD2, tidak terdapat sebarang petunjuk atau *indication* dalam P12 mengenai waktu penciptaan atau tarikh penciptaan imej-imej yang dijumpai atau diekstrak. Selain itu, tidak terdapat penjelasan

terperinci mengenai imej-imej yang terdapat dalam mukasurat 29 hingga 74 P12. Oleh itu, SD2 beranggapan imej-imej berkenaan adalah *carved images* yang didakwa dijumpai di dalam SD card. *Carved image* bermaksud imej yang didapatkan dari imej yang dipadam (*deleted image*).

[29] Penjelasan lanjut SD2 tentang *carved image* ialah seperti berikut: *Carved image* merujuk kepada imej yang didapatkan dari *deleted image*. Oleh itu, *carved image* adakalanya tidak boleh seratus peratus menyamai imej asal yang tidak diubahsuai kerana ia bergantung kepada apa yang masih boleh dijumpai dari *deleted image* tersebut. Sebagai contoh, *deleted image* berkemungkinan ditulis secara berlebihan oleh kandungan yang lain. Di dalam kes ini, *carved image* tidak kelihatan lengkap atau tidak kelihatan tidak disentuh.

[30] Menurut SD2, whatsapp mempunyai *media auto down load feature*. Oleh itu, pengguna tidak boleh mengawal apa yang dimuat turun di dalam telefon bimbit sebaik sahaja sesuatu imej dihantar kepada pengguna tersebut. Menurut SD2, berdasarkan penelitiannya terhadap P12, tidak terdapat petunjuk atau indikasi yang mengatakan OKT menerima kesemua imej yang dijumpai dalam P12.

[31] Menurut SD2, apabila seseorang menghantar gambar melalui whatsapp, gambar tersebut akan disimpan secara automatik oleh *software* di dalam telefon. Jika pun dipadam, gambar masih ada di telefon. Imej kekal di telefon walau pun selepas dilihat dan dipadam. Imej boleh didapatkan semula walau pun pengguna tidak mahukannya.

[32] Menurut SD2, mana–mana orang yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang *digital forensic* tidak akan dapat akses atau mengembalikan semula imej yang telah dipadam.

[33] Menurut SD2, berdasarkan penelitiannya terhadap P12, beliau beranggapan sahaja dan tidak boleh berkata dengan pasti bahawa tidak terdapat petunjuk atau indikasi yang mengatakan OKT menyimpan semua imej yang dijumpai dalam P12. Ini disebabkan P12 pada pendapat SD2 mempunyai kekurangan dari segi perincian dan tidak menyeluruh.

[34] Menurut SD2, beliau tidak mengetahui dan tidak boleh berkata dengan pasti bahawa terdapat petunjuk atau indikasi yang mengatakan OKT telah memadam imej-imej yang dijumpai dalam P12 kerana pada pendapat SD2 P12 mempunyai kekurangan dari segi perincian dan tidak menyeluruh.

Keputusan Mahkamah di akhir kes pembelaan

[35] Seperti mana sedia maklum di dalam kes jenayah, beban untuk membuktikan kes melampaui keraguan yang menasabah bahawa seseorang yang dituduh adalah melakukan kesalahan seperti yang dipertuduhkan adalah sentiasa terletak di pihak pendakwaan. Tugas orang yang dituduh pula hanyalah menimbulkan keraguan yang menasabah ke atas kes pendakwaan tersebut.

[36] Di dalam kes Sochima Okoye lwn Public Prosecutor [1995] 1 MLJ 538, Mahkamah Rayuan menyatakan bahawa "*It is a well established principle of Malaysian criminal law that the general burden of proof lies*

throughout the trial on the prosecution to prove beyond reasonable doubt the guilt of the accused, for the offence with which he is charged. There is no similar burden placed on the accused to prove his innocence. He is presumed innocent until proven guilty. To earn an acquittal, his duty is merely to cast a reasonable doubt on the prosecution case”.

[37] Di dalam kes ini, OKT telah diperintahkan supaya membela diri. Walau pun OKT telah dipanggil membela diri, ini tidak bermakna keterangan saksi-saksi pendakwaan yang telah diberikan semasa peringkat kes pendakwaan tidak boleh dilihat atau dinilai semula oleh Mahkamah. Untuk mencapai suatu keputusan yang adil, keterangan saksi-saksi pendakwaan perlu dilihat atau dinilai semula bagi tujuan dikaitkan dengan keterangan OKT. Daripada situ, baharulah Mahkamah dapat membuat keputusan sama ada OKT didapati salah atau harus dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan yang dikenakan.

[38] Seksyen 173 (m) Kanun Prosedur Jenayah menyatakan seperti berikut:

“Section 173. Procedure in summary trials.

(m) (i) At the conclusion of the trial, the Court shall consider all the evidence adduced before it and shall decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt.

(ii) If the Court finds that the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall find the accused guilty and he may be convicted on it and the Court shall pass sentence according to law.

(iii) If the Court finds that the prosecution has not proved its case beyond reasonable doubt, the Court shall record an order of acquittal”.

[39] Di dalam kes Pavone lwn Public Prosecutor [1984] 1 MLJ 77 dinyatakan bahawa *“Care must be taken to leave suspended the question of the veracity and accuracy of recollection of witnesses until after the close of the case for the defence”.*

[40] Di dalam kes Balachandran lwn Public Prosecutor [2005] 2 MLJ 301, Mahkamah Persekutuan memutuskan bahawa *“Section 180(1) makes it clear that the standard of proof on the prosecution at the close of its case is to make out a prima facie case while s 182A(1)(yang sama seperti seksyen 173 (m)) enunciates that at the conclusion of the trial the court shall consider all the evidence adduced and decide whether the prosecution has proved its case beyond reasonable doubt”.*

[41] Di dalam kes Mahkamah Rayuan Malaysia (Bidang Kuasa Rayuan) Rayuan Jenayah No: B-05(LB)-344-12-2015 Antara Pendakwa Raya lwn Bayanjarghal Khaliun, Mahkamah Rayuan menyatakan *“Certainly, there is nothing wrong for the learned trial judge to re-evaluate the evidence of the prosecution’s witness in light of the defence evidence. In fact it was incumbent for the learned trial judge to do so for otherwise His Lordship would be faulted with failure to sufficiently appreciate the evidence of the defence”.*

[42] Berdasarkan peruntukan seksyen 173 (m) Kanun Prosedur Jenayah dan prinsip yang telah dinyatakan dalam kes-kes di atas, Mahkamah mendapati OKT telah berjaya menimbulkan keraguan yang menasabah ke atas kes pendakwaan dan pendakwaan telah gagal membuktikan kes melampaui keraguan yang menasabah terhadap OKT.

Imbasan kembali keterangan saksi-saksi pendakwaan

[43] SP6 (Penolong Pengarah Lembaga Peperiksaan Malaysia) di dalam keterangannya mengatakan pada 10.9.2014 jam lebih kurang 10.45 pagi, SP6 mendapat *Whats App* yang dihantar oleh seorang guru di Johor Bahru bernama Zulkifli bin Miswan di mana *Whats App* tersebut mengandungi kertas soalan Sains tahun 2014 (UPSR).

[44] SP11 (bekas Pengarah Peperiksaan Lembaga Peperiksaan Malaysia) pula mengatakan beliau didatangi oleh SP6 dan berjumpa dengan SP11 di pejabat lalu menunjukkan *Whats App* yang SP6 terima daripada seorang guru di Tampoi tentang beberapa soalan UPSR Sains. Seterusnya, SP11 meminta SP6 *Whats App* kepada SP11.

[45] SP13 (pegawai penyiasat) pula mengatakan orang pertama yang menghantar maklumat kepada SP11 adalah SP6. SP6 menerima *Whats App* ini daripada seorang guru di Tampoi Johor yang bernama Cikgu Zulkifli. SP13 ada memanggil Cikgu Zulkifli untuk siasatan dan SP13 tidak menahan Cikgu Zulkifli.

[46] Menurut SP13 lagi, Cikgu Zulkifli mengaku soalan-soalan UPSR berada dalam telefon bimbitnya dan beliau mengaku ada menghantar

kepada orang lain . Tiada pertuduhan dikenakan ke atas Cikgu Zulkifli. Ini disebabkan beliau telah menyalurkan maklumat itu kepada Lembaga Peperiksaan.

[47] Seterusnya, SP13 mengatakan yang memulakan *Whats App* mengenai soalan UPSR ini adalah Cikgu Zulkifli. SP13 tidak dapat mencari punca kebocoran soalan tersebut.

[48] Daripada keterangan-keterangan di atas, timbul beberapa fakta yang begitu penting iaitu:

- (a) orang pertama yang memulakan perkara ini adalah seorang cikgu dari Johor Bahru bernama Zulkifli bin Miswan;
- (b) Zulkifli bin Miswan ini mengaku soalan-soalan UPSR berada dalam telefon bimbitnya dan beliau mengaku ada menghantar kepada orang lain;
- (c) SP6 menerima *Whats App* dari Zulkifli bin Miswan yang berupa kertas soalan Sains tahun 2014 (UPSR);
- (d) SP11 meminta SP6 *Whats App* kepada SP11 *Whats App* dari Zulkifli bin Miswan yang berupa kertas soalan Sains tahun 2014 (UPSR);

[49] Berdasarkan perkara-perkara di atas, timbul tanda tanya di pihak Mahkamah dan seterusnya menimbulkan keraguan bagaimanakah OKT pula yang boleh dituduh sedangkan keterangan jelas menunjukkan penglibatan pihak lain.

[50] Dalam keadaan Zulkifli bin Miswan, SP6 dan SP11 juga memiliki soalan-soalan peperiksaan berkenaan di dalam telefon bimbit mereka, keadaan mereka juga adalah serupa seperti OKT dan mereka juga

berpotensi untuk dituduh. OKT juga boleh mengatakan yang dirinya menerima soalan-soalan berkenaan dari pihak lain sama seperti SP6 yang menerima soalan-soalan berkenaan dari Zulkifli bin Miswan dan SP11 pula menerima soalan-soalan tersebut dari SP6.

[51] SP13 bersetuju bahawa barang kes dalam kes ini adalah *non-tangible items*. Walau pun memiliki telefon bimbit bukanlah suatu kesalahan, namun yang menjadi persoalan adalah kandungan di dalam telefon bimbit tersebut yang merupakan *non-tangible items*. Seterusnya SP13 mengatakan di dalam kes-kes jenayah siber seperti kes ini, bidangnya sangat luas dan SP13 tiada pengalaman untuk menyiasat kes ini.

[52] SP8 (Penolong Pengarah Jabatan Forensik Digital SKMM) mengatakan setelah menganalisa data-data dalam telefon bimbit, SP8 akan membandingkan gambar-gambar dengan soalan sebenar UPSR. SP8 mendapati 40 gambar masih di dalam telefon, tetapi 94 *carved* gambar itu telah dipadam. SP8 menjumpai 7 gambar soalan Sains 018 dan juga 7 gambar *carved* yang berkaitan soalan Sains 018. SP8 menyediakan laporan berkaitan telefon bimbit iaitu P12.

Keterangan-keterangan saksi-saksi pendakwaan di atas dalam konteks kes pembelaan

[53] OKT mengatakan dimaklumkan bahawa pihak polis telah menjumpai beberapa dokumen dalam telefon bimbit OKT dan OKT akan didakwa. OKT juga mengatakan gambar-gambar imej kertas soalan Science 018/1 UPSR 2014 berkemungkinan besar berada dalam telefon bimbit OKT

melalui whatsapp kerana OKT tidak mengambil gambar-gambar atau memuat turun ke dalam telefon bimbitnya. Gambar-gambar yang dihantar secara whatsapp akan tersimpan secara automatik dan tersendiri.

[54] OKT juga mengatakan tidak boleh mengawal penyimpanan imej-imej yang dihantar secara whatsapp kerana imej-imej tersebut akan *auto download* ke dalam telefon bimbit OKT. Oleh itu, OKT tidak boleh mengawal apa yang pihak lain hantar kepada OKT.

[55] SP6 dan SP11 juga mempunyai imej-imej berkenaan yang diterima dari seorang cikgu dari Johor Bahru bernama Zulkifli bin Miswan. Dalam keadaan ini dan dengan keadaan telefon bimbit Cikgu Zulkifli bin Miswan, SP6 dan SP11 yang sudah tentunya memiliki ciri-ciri yang sama dengan telefon bimbit OKT iaitu gambar-gambar yang dihantar secara whatsapp akan tersimpan secara automatik dan tersendiri dan tidak boleh dikawal penyimpanan imej-imej yang dihantar secara whatsapp kerana imej-imej tersebut akan *auto download* maka apakah bezanya kedudukan SP6, SP11 dan Cikgu Zulkifli bin Miswan berbanding dengan OKT?

[56] Perkara di atas boleh dikaitkan dengan keterangan SP13 yang mengatakan di dalam kes-kes jenayah siber seperti kes ini, bidangnya sangat luas dan SP13 tiada pengalaman untuk menyiasat kes ini. Apabila tiada pengalaman dan di dalam kedudukan SP6, SP11 dan Cikgu Zulkifli bin Miswan yang sama seperti OKT seperti mana keterangan di atas maka adalah tidak selamat untuk menyabitkan OKT dengan pertuduhan yang dikenakan terhadap OKT.

[57] Tidak dinafikan bahawa ekshibit P12 iaitu *Digital Forensics Case Report* yang disediakan oleh SP8 (Penolong Pengarah Jabatan Forensik Digital SKMM) telah dikemukakan dan dijadikan sebagai ekshibit pihak pendakwaan sewaktu di peringkat kes pendakwaan.

[58] Tidak dinafikan juga bahawa sewaktu di peringkat kes pendakwaan, pihak pembelaan tidak mencabar akan pengemukaan P12 ini sebagai ekshibit. Mahkamah merujuk kepada kes PP lwn Lam San [1991] 1 CLJ (Rep) 391 yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan di dalam hujahan bertulis mereka.

[59] Kes berkenaan menyatakan seperti berikut:

“...the Court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, unless it is inherently incredible or the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion. So long as some credible evidence is given by the chemist to support his opinion, there is no necessity for him to go into details of what he did in the laboratory, step by step....First, unless the evidence is so inherently incredible that no reasonable person can believe it to be true it should be accepted as prima facie evidence. Second, so long as the evidence is credible there is no necessity for the chemist to show in detail what he did in his laboratory”.

[60] Mahkamah mengambil maklum mengenai prinsip yang digariskan dalam kes di atas. Walau bagaimanapun, Mahkamah lebih bersetuju dengan hujahan yang diberikan secara lisan oleh pihak pembelaan bahawa keadaan di atas tidak terpakai dalam kes di hadapan Mahkamah ini kerana

pihak pembelaan telah memanggil SD2 untuk *rebut* atau menyangkal laporan tersebut.

[61] Jika dilihat dalam kes PP lwn Lam San (supra), kes berkenaan juga ada menyatakan “*the Court is entitled to accept the opinion of the expert on its face value, **unless** it is inherently incredible or **the defence calls evidence in rebuttal by another expert to contradict the opinion**” (ayat-ayat bertanda hitam dan digariskan diberi penekanan).*

[62] Jika dilihat dalam ekshibit D28 iaitu *curriculum vitae* SD2 dinyatakan antara kelayakan professional SD2 ialah *Certified Cellebrite Logical Analyst* dan *Certified Cellebrite Physical Analyst*.

[63] Menurut SD2, berdasarkan mukasurat 11 ekshibit P12 iaitu *Digital Forensics Case Report* yang disediakan oleh Suruhanjaya Komunikasi Dan Multimedia Malaysia (SKMM), dinyatakan peralatan yang digunakan oleh SKMM di dalam membuat analisa terhadap telefon bimbit OKT ialah *Cellebrite Physical Analyzer Version 4*. Oleh itu, peralatan berkenaan bukanlah asing kepada SD2 dan oleh itu beliau berhak memberikan komen atau menyangkal P12.

[64] Berdasarkan D28 juga, dinyatakan SD2 dilahirkan dalam tahun 1976 dan mempunyai 20 tahun pengalaman dalam bidang keselamatan maklumat. Oleh itu, jika dibandingkan dengan SP8 yang menyediakan P12 di mana SP8 ini berumur 33 tahun sewaktu memberi keterangan dan lahir pada 19.12.1982 (No. Kad Pengenalan: 821219-14-5123) maka

Mahkamah tidak teragak-agak untuk mengatakan pengalaman SD2 adalah lebih luas berbanding SP8.

[65] Oleh itu, Mahkamah menerima keterangan SD2 sebagai seorang pakar yang berjaya menyangkal P12 di mana SD2 telah mengatakan:

- (a) Ekshibit P12 tidak mempunyai *formal executive summary*, tidak mempunyai perincian dari segi pendekatan deskripsi dan penyuraian (*extraction*), tidak mempunyai metodologi forensik dan tiada kesimpulan;
- (b) P12 adalah laporan yang hanya menyenaraikan kandungan *carved images* yang dijumpai pada telefon yang disenaraikan;
- (c) Apabila suatu gambar dibuka, suatu gambar yang lebih kecil skalanya dicipta di dalam *thumbnail folder* dan aplikasi *software* di dalam telefon yang akan menyimpan atau *save* imej berkenaan;
- (d) Terdapat kejanggalan atau ada yang tidak kena dalam P12 berkenaan data imej-imej tersebut. Kejanggalan itu ialah antara lain waktu akses imej adalah lebih awal dari waktu fail imej itu dicipta. Sebagai contoh imej 1 dalam mukasurat 19 P12. Didapati waktu akses imej ialah pada 10.9.2014 jam 12 pagi tetapi waktu fail imej dicipta ialah 12 jam kemudian iaitu pada jam 12.40 petang;
- (e) Adalah suatu yang mustahil imej tersebut mempunyai waktu akses sebelum wujudnya waktu atau tarikh dicipta fail imej berkenaan;
- (f) Terdapat imej-imej sebagai contoh dalam mukasurat 21 dan 22 P12 iaitu imej 5,6 dan 7 yang tidak mempunyai waktu *modified*, *access* dan *create*;
- (g) Whatsapp mempunyai *media auto down load feature*. Oleh itu, pengguna tidak boleh mengawal apa yang dimuat turun di dalam telefon bimbit sebaik sahaja sesuatu imej dihantar kepada pengguna tersebut;

- (h) Apabila seseorang menghantar gambar melalui whatsapp, gambar tersebut akan disimpan secara automatik oleh *software* di dalam telefon. Jika pun dipadam, gambar masih ada di telefon. Imej kekal di telefon walau pun selepas dilihat dan dipadam;
- (i) Mana–mana orang yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang *digital forensic* tidak akan dapat akses atau mengembalikan semula imej yang telah dipadam.

[66] Berdasarkan penyangkalan SD2 terhadap P12 seperti mana yang dinyatakan dalam perenggan [65] di atas khususnya dalam para (g), (h) dan (i) dan jika dikaitkan dengan kes ini, OKT tidak dapat mengawal apa juga imej atau gambar yang dihantar secara whatsapp. Gambar tersebut akan disimpan secara automatik oleh *software* di dalam telefon dan jika pun dipadam, gambar masih ada di telefon.

[67] OKT hanyalah seorang guru sekolah dan bukannya pakar dalam bidang *digital forensic*. Oleh itu, OKT tidak akan dapat akses atau mengembalikan semula imej yang telah dipadam. Dalam hal ini, bagaimanakah boleh dikatakan OKT mempunyai pemilikan atau *possession* terhadap imej kertas peperiksaan berkenaan kerana hadirnya imej berkenaan dalam telefon bimbit OKT adalah di luar kehendaknya walau pun telah dipadam.

[68] Analogi yang sama juga terpakai ke atas Cikgu Zulkifli bin Miswan, SP6 dan SP11 yang sudah tentunya telefon bimbit mereka memiliki ciri-ciri yang sama dengan telefon bimbit OKT iaitu gambar-gambar yang dihantar secara whatsapp akan tersimpan secara automatik dan tersendiri dan tidak

boleh dikawal penyimpanan imej-imej yang dihantar secara whatsapp kerana imej-imej tersebut akan *auto download*.

Sama ada OKT telah berjaya menimbulkan keraguan yang menasabah

[69] OKT menyedari tentang kes kebocoran soalan UPSR 2014 dan OKT juga disiasat mengenai kes tersebut. OKT telah pergi ke Ibu Pejabat Polis Daerah Putrajaya dan menyerahkan telefon bimbit kepada pihak polis.

[70] OKT membuat persiapan untuk pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan UPSR untuk mata pelajaran Bahasa Tamil. Persiapan yang dilakukan oleh OKT ialah dengan meminta para pelajarnya membaca topik-topik yang kebiasaannya akan diperiksa dalam peperiksaan UPSR, mencuba soalan peperiksaan tahun-tahun lepas, soalan ramalan dan peperiksaan percubaan UPSR.

[71] Sepanjang tempoh OKT menjadi guru, OKT tidak pernah mendengar soalan peperiksaan UPSR telah bocor. Oleh itu, OKT tidak mengesyaki tentang kebocoran soalan sebenar UPSR. Tambahan lagi, soalan tahun-tahun lepas dan soalan *spot* yang berada di kedai buku dan internet juga berformatkan peperiksaan.

[72] Daripada keterangan-keterangan di atas, ia menunjukkan OKT tidak tahu dan tidak menyangka tentang kewujudan imej kertas peperiksaan dalam telefon bimbitnya kerana OKT telah terbiasa dengan rutin sebagai seorang guru iaitu meminta para pelajarnya membaca topik-topik yang kebiasaannya akan diperiksa dalam peperiksaan UPSR, mencuba soalan peperiksaan tahun-tahun lepas, soalan ramalan dan peperiksaan

percubaan UPSR kerana soalan tahun-tahun lepas dan soalan *spot* yang berada di kedai buku dan internet juga berformatkan peperiksaan. Oleh kerana itulah OKT tanpa banyak soal dan tanpa mengesyaki apa-apa telah menyerahkan telefon bimbitnya kepada pihak polis.

[73] OKT mengatakan gambar-gambar imej kertas soalan Science 018/1 UPSR 2014 berkemungkinan besar berada dalam telefon bimbit OKT melalui whatsapp kerana OKT tidak mengambil gambar-gambar atau memuat turun ke dalam telefon bimbitnya. Gambar-gambar yang dihantar secara whatsapp akan tersimpan secara automatik dan tersendiri.

[74] OKT tidak boleh mengawal penyimpanan imej-imej yang dihantar secara whatsapp kerana imej-imej tersebut akan *auto download* ke dalam telefon bimbit OKT. Oleh itu, OKT tidak boleh mengawal apa yang pihak lain hantar kepada OKT.

[75] Keterangan-keterangan di atas telah disokong oleh keterangan SD2 di mana SD2 telah mengatakan:

(a) Whatsapp mempunyai *media auto down load feature*. Oleh itu, pengguna tidak boleh mengawal apa yang dimuat turun di dalam telefon bimbit sebaik sahaja sesuatu imej dihantar kepada pengguna tersebut;

(b) Apabila seseorang menghantar gambar melalui whatsapp, gambar tersebut akan disimpan secara automatik oleh *software* di dalam telefon. Jika pun dipadam, gambar masih ada di telefon. Imej kekal di telefon walau pun selepas dilihat dan dipadam;

(c) Mana-mana orang yang tidak mempunyai kepakaran dalam bidang *digital forensic* tidak akan dapat akses atau mengembalikan semula imej yang telah dipadam.

[76] OKT mengatakan tidak pernah meminta sesiapa untuk menghantar imej soalan sebenar UPSR kepada OKT. Ini disebabkan tiada sebarang manfaat imej soalan sebenar Sains UPSR 2014 kepada OKT kerana OKT tidak mengajar mata pelajaran Sains.

[77] Keterangan di atas pada pendapat Mahkamah menimbulkan keraguan yang menasabah ke atas kes pendakwaan. Sebagai seorang guru yang tidak mempunyai kaitan atau kepentingan dengan mata pelajaran yang diajarnya kerana OKT mengajar mata pelajaran Bahasa Tamil untuk Tahun Enam dan bukannya mata pelajaran Sains maka apa perlunya OKT meminta-minta imej soalan sebenar Sains UPSR 2014.

[78] Berdasarkan perkara-perkara di atas, OKT dilepas dan dibebaskan daripada pertuduhan yang telah dikenakan.

Tarikh: 17.4.2018

(JOHARI BIN HASSAN)

Hakim

Mahkamah Sesyen Kuala Kangsar

Perak Darul Ridzuan

Pendakwa Raya:

Yusaini Amer Bin Abdul Karim- Timbalan Pendakwa Raya

Pegum OKT :

Tetuan Kula & Associates

Peguambela & Peguamcara

No. 11A Jalan Dato Seri Ahmad Said

Greentown

30450 Ipoh

Perak Darul Ridzuan